



'Pengganti Maszlee akan diumumkan sedikit masa lagi'

Sinar Harian - 3/1/2020 ml's: 10

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan Menteri Pendidikan baharu dalam tempoh terdekat bagi menggantikan Dr Maszlee Malik yang meletak jawatan berkuat kuasa hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau sebelum itu me-

nerima surat peletakan jawatan Maszlee yang juga Ahli Parlimen Simpang Renggam semalam.

"Yang Berhormat Dr Maszlee Malik telah menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai Menteri Pendidikan kepada saya pada hari ini (semalam).

"Saya menerima peletakan jawatan

tersebut berkuat kuasa 3 Januari 2020. Saya mengucapkan terima kasih di atas khidmat yang telah beliau berikan selama menjadi anggota Kabinet.

"Pengganti beliau akan saya tentukan dan umumkan dalam sedikit masa lagi," katanya melalui kenyataan media dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri semalam.